

21 JUN 1998

Mahathir-MT

MAHATHIR MINTA PEMIMPIN UMNO GUNAKAN MT UNTUK BANGKIT ISU

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pemimpin-pemimpin parti itu menggunakan sepenuhnya saluran Majlis Tertinggi (MT) untuk membahas atau membangkitkan apa jua isu dan rasa tidak puas hati terutama yang "tidak manis didengar" dan isu yang boleh menjejaskan perpaduan.

"Perkara-perkara seperti nepotisme, kronisme dan kapitalisme dan reformasi sepatutnya dibawa ke pengetahuan MT," katanya ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Katanya anggota-anggota MT diberi kebebasan untuk menyuarakan apa jua pandangan mereka pada mesyuarat badan tertinggi jentera parti itu dan tidak ada sebab mengapa mana-mana anggota tidak menggunakan kesempatan itu.

Perdana Menteri berkata mesyuarat MT yang diadakan secara tertutup merupakan forum yang lebih baik untuk membincangkan isu-isu atau perkara yang boleh menjejaskan parti daripada menyuarakannya pada khalayak ramai atau media.

Beliau nampaknya merujuk terhadap tindakan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menimbulkan isu nepotisme dan kronisme menerusi media tempatan dan dilaporkan secara meluas oleh media asing beberapa hari menjelang perhimpunan agung parti.

"Saya rasa sedih sebab Majlis Tertinggi tidak digunakan untuk perkara-perkara itu tetapi disebut begitu serius dan bahayanya kepada parti dan negara," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri membangkitkan perkara nepotisme dan kronisme dalam mesyuarat MT pada Mei lepas setelah mendengar teguran mengenai pelaksanaan dasar kerajaan yang tidak sempurna yang dibuat menerusi laporan akhbar dan bukan berdasarkan laporan kepada parti.

"Dalam mesyuarat MT saya bangkit dan jelaskan pentingnya kita tidak hebohkan perkara ini sebab ia akan memburukkan parti dan negara serta boleh dijadikan isu oleh parti pembangkang terhadap kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan kepada anggota MT sekiranya mereka ada masalah berhubung perkara itu ia boleh dibincang dan diselesaikan dalam MT.

"Sebabnya ia (MT) tidak terbuka, sebab jika terbuka sukar bagi kita nak suarakan perkara-perkara yang tidak manis didengar. Ia tertutup dan kita bebas bercakap lantang sebab tidak ada sekatan," katanya.

Katanya, perkara-perkara sebegitu tidak dibawa kepada pengetahuan MT dan anggota MT lain boleh menjadi saksi yang perkara-perkara itu tidak pernah disebutkan.

Dr Mahathir berkata beliau membangkitkan perkara itu pada mesyuarat MT Mei lepas supaya ia boleh dibincangkan.

"Saya sebut perkara-perkara ini supaya kita boleh adakan perbincangan dan saya memberi peluang. Ada ahli-ahli yang bercakap tetapi malangnya ketua Pergerakan Pemuda Umno tidak cakap banyak," katanya sambil disambut dengan tepukan anggota perwakilan.

"Dia hanya setakat berkata bahawa surat khabar melaporkan tidak kena, itu sahaja. Dia sekali lagi diberi peluang untuk menggulung, katanya tak ada apa yang dia nak kata, kena tekan teruk sangat, jadi tidak mahu cakap," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berasa lega dengan harapan perkara itu selesai.

Bagaimanapun, katanya: "Lepas itu di luar bunyi pula perkara yang sama dan dia (Zahid) akan mendedahkan perkara-perkara itu dalam ucapan yang akan dibuat semasa mesyuarat Pergerakan Pemuda pada 18hb Jun.

"Ini bermakna kita tak sanggup bercakap di dalam, kita cakap di luar dan ia mempunyai kesan buruk kepada parti.

"Bahkan saya menjemput dia untuk berjumpa saya dan saya fikir masalah itu sudah selesai tetapi tidak selesai.

"Saya berpendapat sudah menjadi ahli MT tidak payah guna apa-apa jambatan, kalau tidak percaya pada ahli MT, jumpalah saya sebab itu adalah masalah kita," katanya, disambut tepukan dan sorakan anggota perwakilan lagi.

Dr Mahathir berkata sebagai pemimpin parti mereka harus menjaga parti dan masalah yang tidak betul boleh diperbetulkan.

"Jika kita pergi ke luar dan hebohkan perkara ini ia tidak akan selesai. Orang yang dituduh akan berasa kecewa dan mereka akan menjawab, jika titak secara terbuka, secara tertutup dan ini akan merosakkan parti," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau duduk di atas takhta tinggi, ini tidak bermakna beliau tidak boleh didekati anggota MT terutama pemimpin parti.

Beliau berkata mesyuarat MT bukan olok-olok, kadang-kadang dari 9 malam hingga 4 pagi dan sanggup membincangkan perkara-perkara serius yang perlu diselesaikan.

Katanya, agenda mesyuarat MT pun senang sahaja, bermula dengan berdoa diikuti dengan ucapan pengerusi (presiden parti), mengesahkan minit mesyuarat lepas, perkara berbangkit dan laporan-laporan jawatankuasa.

Semua anggota boleh bercakap. Selapas pengerusi, diikuti timbalan presiden, pengerusi-pengerusi negeri, ketua pergerakan Pemuda dan Wanita dan pengerusi-pengerusi biro.

Beliau berkata anggota MT hendaklah menggunakan MT untuk bercakap secara ikhlas kerana anggota parti semua sayang kepada parti.

"Saya yakin mereka yang dipilih sebagai anggota MT sayang pada parti, tidak ada niat buruk di kalangan mereka tetapi cara mereka menunjukkan kesayangan kepada parti haruslah cara yang tidak membinasakan parti," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila seseorang pemimpin bercakap senada dengan pengkritik asing ia sedikit sebanyak ia memperakui perkara-perkara itu.

"Tahun lepas siapa yang cakap mengenai nepotisme dan kronisme. Tak ada, masa itu kita belum dengar, bukan perkataan itu tidak ada. Ada, tetapi belum digunakan secara meluas oleh akhbar dan majalah asing," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perkataan nepotisme disebut tahun ini oleh majalah asing kerana ada sebuah negara yang memungut perkataan itu untuk menjatuhkan kerajaan mereka.

Beliau berkata sistem politik dan pemerintahan negara itu dan negara ini amat berbeza terutamanya daripada segi pelantikan wakil rakyat

Katanya, perkataan nepotisme digunakan oleh orang asing untuk membantut dan menggagalkan Dasar Ekonomi Baru setelah mendapati Malaysia berjaya menaikkan taraf orang miskin.

Mengenai isu reformasi yang dibangkitkan, beliau berkata bahawa reformasi yang pernah ditimbulkan beliau suatu ketika dahulu bermaksud mengubah fikiran orang Melayu kepada bentuk budaya yang sesuai dengan zaman supaya menjadi maju.

-- BERNAMA

ARA NMO